

07/02/1998

Jeli buat keputusan secara musyawarah

JELI, Jumaat - Umno Bahagian Jeli menjadi bahagian pertama di Kelantan yang mengambil ketetapan agar jawatan penting dalam parti tidak dipertandingkan dalam pemilihan di peringkat bahagian pada Mac ini.

Ketuanya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata keputusan ini dicapai sebulat suara membabitkan semua wakil 113 cawangan dalam bahagian ini yang menghadiri kursus pentadbiran cawangan di Kompleks Umno Jeli, di sini, hari ini.

Beliau berkata, ketetapan itu selaras dengan semangat musyawarah di kalangan ahli Umno.

"Bagaimanapun, jawatan lain seperti ahli jawatankuasa bahagian pemuda, wanita dan perwakilan ke perhimpunan agung parti di Kuala Lumpur boleh dipertandingkan.

"Segala permasalahan dan rasa tidak puas hati yang timbul jika ada hasil daripada keputusan ini akan diselesaikan secara rundingan dan musyawarah," katanya selepas menghadiri kursus berkenaan yang dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Annuar Musa.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, ketetapan itu selaras dengan keputusan mesyuarat perhubungan Umno negeri yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 Januari lalu.

"Ia juga selaras dengan Deklarasi Semerak dalam Konvensyen Umno Kelantan yang memutuskan semua pertandingan jawatan penting di peringkat bahagian perlu dielakkan," katanya.

Sementara itu, Annuar berkata langkah Umno Jeli tidak akan mewujudkan pertandingan bagi jawatan penting di peringkat bahagian itu akan menjadi contoh kepada bahagian lain.

(END)